

... Yang Pembaca Fikir.

Bangsa Melayu dan Agama Islam

Oleh: Yusuf Nor, K. Raja

Umum telah mengetahui bahawa bangsa Melayu pada keseluruhannya beragama Islam, khususnya orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Hal ini terang dan nyata sekali kepada tiap-tiap golongan masyarakat dan peringkat tidak kira apa bangsa di negeri ini dengan tidak payah meninjau dan menyiasat lebih jauh lagi.

Kepada orang-orang yang telah tahu serba sedikit tentang kedudukan Tanah Melayu dengan tidak ragu-ragu akan mengatakan dan memberi penegasan yang tidak sangsi-sangsi bahawa semua orang Melayu di Tanah Melayu beragama Islam.

Ini dengan jelasnya membuktikan kepada kita semua iaitu seolah-olah telah menjadi kelaziman bahawa bangsa Melayu di Tanah Melayu bangsa Islam. Agama Islam bukan diuntukkan kepada bangsa Melayu, tetapi adalah diuntukkan kepada seluruh manusia di muka bumi ini oleh Tuhan pencipta alam sebagai agama yang diredayai di sisi-Nya.

Adalah menjadi amat janggal sekali kiranya ada di antara orang Melayu yang beragama lain daripada Islam di Tanah Melayu. Pejabat-pejabat agama sentiasa berwaspada dan mengambil berat tentang orang-orang Melayu yang keluar dari agama Islam dan bersedia juga untuk mengambil tindakan yang sesuai. Perhatian orang ramai juga berat kiranya

ada berlaku perkara yang demikian. Dalam hal ini pula suratkhabar-suratkhabar tidak ketinggalan menyiaran dengan besar-besaran berita orang Melayu yang keluar dari agama Islam, tegasnya dengan lain murtad. Ini bersesuaianlah dengan ajaran Islam yang membolehkan menghukum orang murtad seimbang dengan perbuatannya iaitu mencabul kehormatan agama Islam sekiranya dia tidak kembali memeluk agama Islam dengan syarat-syarat yang tertentu.

Memang sudah menjadi aturan alam, tiap-tiap bangsa yang hidup dan tiap-tiap orang yang berpelajaran mesti mempunyai kepercayaan di dalam hidupnya apa yang difikir patut dipegang dan dipercayai maka itulah menjadi pegangan dan kepercayaannya. Janganlah kita berfikir yang orang arab seratus peratus beragama Islam kerana dalam mengikuti perkembangan agama kita akan dapat menjawab kenapa terjadi demikian sedang semua orang Melayu di Tanah Melayu hanya beragama satu iaitu agama Islam.

Tanah Arab adalah tempat lahir dan berkembangnya agama Islam kerana di situ lah tempat dilahirkan pemimpin agung agama Islam yang telah menyebarkannya ke seluruh dunia dan mengekalkan sehingga hari ini ia tulah junjungan kita Nabī Muḥammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Dalam masa junjungan

melancarkan gerakan dan seruannya menentang kaum kafir Quraish dan lain-lain lagi yang mengingkari pembawaannya sebagai utusan Tuhan, tidak semua orang Arab telah menjadi pengikutnya. Waktu Baginda wafat masih ada juga beberapa golongan yang tidak menganut agama Islam.

Puak-puak yang tidak mengikut ajaran Islam ini akhirnya telah terpengaruh oleh fahaman lain yang turut sama berkembang masa itu. Tetapi walaubagaimana sekalipun agama Islam telah mendapat tempat yang luas dan paling istimewa di kalangan orang-orang arab dan telah bersebatи dengan darah daging mereka dari zaman berzaman.

Dalam masa yang singkat sahaja, Islam telah berkembang dan tersebar dari seorang kepada seorang dari satu kaum kepada satu kaum, dari satu negeri ke satu negeri dan dari satu benua ke satu benua. Begitulah seterusnya hingga sampai ke Tanah Melayu.

Penyiар-Penyiar Islam Menjelajah Dunia

Perantaraan yang terbesar dalam mewujudkan perkembangan yang besar ini ialah dengan jalan saudagar-saudagar yang berniaga dari negerinya ke negeri lain. Ini semuanya telah dibuktikan oleh buku-buku sejarah. Pada masa itu orang-orang Islam telah merasa bertanggungjawab untuk mengembangkan Islam. Maka dari sebab itulah mereka yang tahu sedikit berkenaan agama ini tidak berdiam diri malahan mereka belseyar bersama-sama kapal perniagaan yang membawa barang-barang ke merata-rata dunia sambil menyiaran agama Islam. Penyiар-penyiar ini bukan sahaja berkebolehan dalam memberi pengajaran, tetapi juga mengarang.

Perkembangan Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan-kesusasteraan lama Melayu ciptaan sebelum tahun masihi 1736 banyak sekali mengenai agama

atau dengan kata lain mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan agama Islam. Cerita-cerita pahlawan Islam seperti Amir Hamzah, Muhammad Ali Hanifah dan lain-lain lagi telah tidak asing lagi bagi orang Melayu masa itu. Pengembang-pengembang agama yang datang ke gugusan pulau-pulau Melayu ini datang dari Parsi, Gujerat (lebih-lebih lagi dari Tanah Arab - P. Q.) dan lain-lain tempat lagi. Pusat kerajaan Islam di alam Melayu masa itu ialah Pasai dan di samping itu Melaka pula menjadi salah satu tempat perkembangan Islam dalam zaman kebesaran kerajaan Melayu Melaka.

Sebab-Sebabnya Orang-Orang Melayu Lekas Sekali Memeluk Islam

Apakah agama orang-orang Melayu sebelum datang Islam? Hal ini tidak dapat penegasan dari sejarah tetapi namun demikian adalah dipercayai bahawa orang Melayu masa itu mempercayai kepada benda-benda yang ghaib seperti dewa-dewa dan lain-lain lagi.

Adalah menjadi tanda tanya juga kepada kita hari ini tentang orang-orang Melayu lekas cepat sekali terpengaruh oleh agama Islam. Kehidupan orang-orang Melayu masa itu dikandung dan dibedung oleh adat dan kepercayaan yang karut semata-mata. Pada kiraan dan pendapat saya, orang-orang Melayu masa itu boleh jadi sedang tertunggu-tunggu akan satu perubahan corak fahaman yang dianutnya. Jadi, kalau demikian, pengembang-pengembang agama Islam, ialah yang mula-mula sekali memberikan pengajaran Islam terhadap orang-orang Melayu.

Pendeknya, bangsa Melayu, tidak pernah dipengaruhi oleh sebarang pengaruh agama sebelum datangnya agama Islam. Tetapi kita tidak dapat menafikan yang kebudayaan

orang-orang Melayu masa itu dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu dan mereka menggunakan huruf sanskrit dalam tulisan mereka. Sungguhpun begitu, ini semuanya tidaklah boleh dikatakan telah mencapai tingkatan agama.

Pengaruh Islam Makin Luas

Pengaruh Islam amat dalam sekali meresap ke dalam jiwa orang-orang Melayu sehingga tulisan huruf sanskrit telah bertukar kepada huruf arab atau lebih dikenal dengan tulisan jawi. Agama Islam lebih dahulu telah mempengaruhi orang-orang besar Melayu zaman itu, tegasnya raja-raja yang memerintah. Salah satu daripada adat orang Melayu ialah taat dan patuh kepada raja sebagaimana yang selalu kita dengar daripada mulut orang-orang tua yang berbunyi: "Pantang anak Melayu derhaka kepada rajanya." Maka dengan makin¹ apabila raja telah memeluk agama Islam, sekalian rakyatnya pun dengan senang memeluk agama Islam juga.

Sebagai satu tanda pengaruh Islam lagi ke atas orang-orang Melayu ialah, pernah pada satu masa dahulu Raja Aceh sendiri menulis surat kepada *Queen* yang memerintah England masa itu, dalam bahasa Arab. Orang-orang Melayu, masa perkembangan Islam berjalan, tinggal tidak begitu berselerak malah mereka berkumpul dalam sesuatu kumpulan di tempat-tempat yang tertentu. Jadi nyatalah bahawa ajaran Islam telah sampai kepada tiap-tiap orang-orang Melayu di Tanah Melayu dengan berbagai-bagai perantaraan dan mereka terus memeluk agama itu.

Masa beredar, bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun, orang-orang di Tanah Melayu makin bertambah ramai, ajaran-ajaran pengembang-pengembang agama Islam masa itu ialah hanya mengenai apa yang patut diketahui oleh seorang



Datuk Abdul Malik bin Haji Muhammad, Kelantan, sedang beramah-tamah dengan Duta Amerika di Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Homer M. Byington Jr. sebelum meninggalkan tanah air baharu-baharu ini dalam perjalannya ke Amerika. Beliau menjadi tetamu rakyat Amerika selama dua bulan, untuk meninjau dan mempelajari usaha-usaha pembangunan dan pergerakan pemuda.

Islam, seperti rukun Islam, rukun iman dan lain-lain lagi yang seumpama itu. Selain dari itu ialah cerita-cerita yang mengenai kegagahan pahlawan-pahlawan Islam, cerita Nabī-Nabī, cerita-cerita hari akhirat yang mengandungi azab-azab kubur dan nikmat-nikmat di syurga serta balasan orang yang berbuat jahat dan sebagainya.

Tujuan-tujuan Islam Tidak Dikupas Secara Mendalam

Di samping ini semua, ilmu *taṣawwuf* adalah menjadi satu ilmu yang terpenting dan dipandang mulia di sisi mereka. Sedangkan tujuan-tujuan asasi dan hak-hak yang harus diperjuangkan oleh tiap-tiap orang Islam yang terkandung di dalam kitab suci *al-Qur'an* tidak dibongkar dan tidak diperluas pengajarannya. Dari situ mereka telah merasa memada hidup dengan apa yang ada pada mereka untuk beribadat kepada Tuhan.

¹ Kesalahan teks. Sepatutnya 'demikian'.

Fahaman Islam yang begitu luas telah terhad dan terbatas menjadi sempit sehingga agama dan adat telah bercampur sebat. Kalau mereka dapat seseorang melakukan suruhan agama yang tidak disertai dengan kebiasaan di negeri ini mereka akan menganggap² perkara itu menyinggung kesucian agama Islam.

Dari sini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa apa yang tersebut di atas telah menjadi satu faktor atau punca kelemahan dan kemunduran orang-orang Melayu, tetapi kelemahan dan kemunduran ini beransur-ansur lenyap dalam melalui perkembangan dan peredaran masa. Tidak lama sesudah orang-orang Melayu memeluk agama Islam maka datang pula pengembang-pengembang agama Kristian dalam usaha memperkembangkan agamanya. Tetapi ini lebih dahulu telah mempengaruhi sebahagian kecil daripada bangsa asing di Tanah Melayu seperti Cina dan India. Agama Kristian tidak dapat mempengaruhi orang Melayu.

Hasrat sebahagian besar dari orang Melayu untuk memperdalamkan pengajian di lapangan agama makin bertambah. Mereka mencari-cari markas ilmu Islam untuk menambahkan lagi pengetahuannya dan markas itu tak lain dan tak bukan ialah Makkah. Apabila mereka kembali dari Makkah, tempat-tempat pengajian agama secara bersendirian telah dibuka untuk memberi pelajaran yang dipelajarinya kepada orang-orang di tanah airnya pula. Tempat-tempat pengajian agama ini lebih dikenal dengan nama “pondok”. Pengajian secara ini telah kekal hingga beberapa lama dan masih ada lagi masa kini.

Tiap-tiap orang Melayu akan berikrar beragama Islam bila ditanya apakah agamanya. “Islam, bagi satu golongan yang tertentu di Tanah Melayu hari ini seolah-olah satu perkara yang dipusakai turun-temurun dari orang tua

mereka. Golongan ini kalau tidak kerana wujudnya satu golongan lain yang menjadi teras Islam di Tanah Melayu masa ini, amat merbahaya sekali kepada perkembangan Islam dengan terang saya nyatakan di sini, golongan ini pada dasarnya mengetahui hakikat agama Islam tetapi mereka, saya berkeyakinan, tidak suka melihat agama Islam berkembang dan berjalan dengan pesat di negeri ini.

Kalau tidak kerana golongan yang menjadi teras sebagaimana yang saya sebutkan di atas, nescaya Islam tinggal nama sahajalah di negeri kita.

Masa ini, pengaruh Barat amat luas sekali pengaruh ini datang dengan berbagai-bagai saluran. Di antara saluran yang terpenting ialah pengaruh yang keluar melalui saluran pendidikan. Apatah lagi negeri kita ini yang pada keseluruhannya menggunakan pendidikan secara barat berleluasa. Pengaruh yang saya sebut itu meliputilah pengaruh agama sekali. Dari situ pengaruh ini sudah tentu meresap ke dalam jiwa kanak-kanak – sejak kecil lagi!

Perhatian pihak kerajaan yang tidak begitu mengambil berat terhadap agama Islam adalah juga menjadi sebab adanya golongan yang menghalang perkembangan Islam.

Hari ini, adalah menjadi kewajipan kita semua orang Melayu untuk mengisi dada tiap-tiap orang Melayu dengan pengetahuan agama yang cukup, supaya tidak akan ada lagi golongan yang tidak diingini.

Sekarang telah tiba saatnya tiap-tiap seorang kita melenyapkan anggapan terhadap agama sebagai satu perkara yang boleh dipermudah-mudahkan. Sebaliknya pula segala kehendak-kehendak Islam mestilah diperjuangkan oleh tiap-tiap orang Melayu sebagai satu bangsa yang beragama Islam supaya jangan dikata orang: Keislaman orang Melayu hanya sebutan sahaja.

²Kesalahan teks. Sepatutnya ‘menganggap’.